

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

SOALAN NO. 442

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian berhubung cadangan pelaksanaan semula pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) kerana cadangan tersebut jelas bertentangan dengan Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Akta 32) dan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) termasuk semangat (*spirit*) di sebalik pengubalan Akta 550.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah digantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010. Namun demikian, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12/2011 pada 4 November 2011 telah membenarkan kohort murid yang telah mengikuti PPSMI sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan bahasa Inggeris sehingga tamat Tingkatan 5 berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah.

Di bawah dasar MBMMBI pula, *Dual Language Programme* (DLP) telah diperkenalkan mulai pada tahun 2016 dengan memberi pilihan kepada

NO SOALAN: 442

pihak sekolah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bidang Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Berkenaan pelaksanaan semula pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan kajian terperinci berhubung perkara ini dengan mendapatkan pandangan menyeluruh masyarakat termasuk meneliti aspek penerimaan, kesediaan, mekanisme dan strategi berkaitan.

KPM sentiasa komited untuk meningkatkan tahap penguasaan mata pelajaran Sains dan Matematik dalam kalangan anak-anak kita supaya mampu membentuk generasi kalis masa depan. Saya juga ingin menegaskan, semua keputusan yang akan diambil kelak adalah berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan anak-anak Malaysia seluruhnya.